

SAMBUTAN HARI KELUARGA SKN 106 PROVOS TAHUN 2018

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4291-sambutan-hari-keluarga-skn-106-provos-tahun-2018

LABUAN, 22 Dis 18 - Skn 106 Provos Pangkalan Udara Labuan telah mengadakan Sambutan Hari Keluarga bagi tahun 2018 bertempat di Kompleks Sukan Air, WP Labuan. Seramai 120 anggota bersama keluarga telah turut serta dalam sambutan pada kali ini. Tujuan hari keluarga ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahin di kalangan anggota dan keluarga Skn 106 Provos.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya ialah senamrobik, permainan kategori anggota berkeluarga, permainan kategori anggota bujang dan permainan untuk kanak-kanak. Sambutan terus dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah sebagai penutup Sambutan Hari Keluarga Skn 106 Provos, Pu Labuan.





